

PUSAT AGROPELANCONGAN KELAPA LANGKAWI



Langkawi, 28 Jun – Pusat Pertanian Padang Matsirat, Langkawi merupakan pusat pengeluaran benih kelapa pandan yang berkonseptkan agropelancongan di Kedah. Menyedari potensi Pulau Langkawi sebagai lokasi utama tumpuan pelancong, pusat ini memberi peluang kepada para pelancong untuk turut serta dalam aktiviti pertanian dan merasai sendiri keenakan air kelapa muda.

YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I berkata, pembangunan industri agropelancongan di pusat ini akan diperkasakan selaras dengan pelan tindakan di bawah Dasar

Agromakanan Negara, 2021-2030 (DAN 2.0). "Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Jabatan Pertanian telah menaiktaraf sistem pengairan di pusat ini menggunakan teknologi Internet of Things (IoT) menjadikannya model farm kelapa pertama seumpamanya di Malaysia. Dengan pengurusan ladang yang baik dan produktif, MAFI berharap Pusat Pertanian Padang Matsirat dapat menjadi mercu tanda kejayaan program pembangunan dan produk agropelancongan yang dapat menarik minat masyarakat untuk mengenali tanaman kelapa dengan lebih dekat serta menjadi pusat rujukan kepada petani dan usahawan kelapa".

Menurut Ketua Pengarah Pertanian, YBhg. Dato' Zahimi bin Hassan, program pada hari ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pemegang taruh mengenai pembangunan dan pengurusan ladang kelapa melalui kaedah IoT, big data dan analisis dalam mendepani Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0) dalam sektor pertanian.

Selain itu, turut diadakan pameran mekanisasi industri penanaman kelapa, pameran varieti kelapa di Malaysia, pameran pelbagai produk hasilan kelapa, pameran perosak dan penyakit serta kaedah kawalan.

Jabatan Pertanian turut mengadakan demonstrasi berkaitan hasilan kelapa seperti penghasilan kelapa telur dan botak, penghasilan kuih bunga pudak dan uji rasa air kelapa serta inovasi mekanisasi peralatan berkaitan hasilan kelapa.

Pusat Pertanian Padang Matsirat yang berkeluasan 5.34 hektar mempunyai 732 pokok kelapa pandan. 83% daripada pokok kelapa di pusat ini telah mengeluarkan hasil. Kelapa pandan mampu menghasilkan sebanyak 40,800 biji sehektar setahun atau purata sebanyak 150 biji sepokok setahun. Harga ladang kelapa pandan sekitar RM2.00 hingga RM3.50 sebiji manakala harga bagi air kelapa muda di pasaran adalah sekitar RM5.00 dan ke atas. Selain kelapa pandan, pelbagai tanaman herba turut ditanam di kawasan Astaka Herba di pusat ini bagi memberi pendedahan dan pengetahuan kepada para pengunjung tentang kepelbagaian herba negara.

Turut hadir pada program hari ini, YB Dato' Haji Juhari bin Bulat, Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah merangkap ADUN Ayer Hangat, YBhg. Dato' Eliyas bin Saad, Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Pertanian Malaysia dan YBrs. Puan Nor Hafizah binti Abdul Rahman, Timbalan Pengarah Pertanian Negeri Kedah.